

## SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

## MOBILITI KOMUNITI DAN PELAJAR DIPERTINGKAT DENGAN RAPID KL ON-DEMAND

- *Enam (6) zon baharu bermula 15 Mei 2025*
- *Kesalinghubungan untuk komuniti Setia Alam dan Universiti Teknologi MARA Kampus Puncak Alam dan Puncak Perdana*

**KUALA LUMPUR, 13 Mei 2025** – Rapid Bus Sdn Bhd selaku pengendali perkhidmatan bas Rapid KL, bas perantara MRT/LRT dan Rapid KL On-Demand bakal memperkenalkan lagi enam (6) zon baharu bagi perkhidmatan Rapid KL On-Demand bermula 15 Mei 2025.

Zon-zon baharu kali ini memberikan fokus terhadap kesalinghubungan antara perkhidmatan rel yang berada sekitar Utara serta Barat Lembah Klang. Antaranya adalah Batu Caves, Rawang, Sungai Buloh serta Setia Alam, yang mana capaian serta pilihan pengangkutan awam agak rendah bagi penduduk sekitar.

Berita baik juga bagi penduduk sekitar Setia Alam serta para pelajar dari Universiti Teknologi MARA kampus Puncak Alam dan Puncak Perdana kerana kini lebih banyak pilihan pengangkutan awam yang lebih menjimatkan tersedia untuk para pengguna menuju ke destinasi.

Enam (6) zon baharu tersebut adalah:

Zon	Jumlah Van	Aplikasi Tempahan
Sg Way – LRT Taman Paramount	3	MOBI
KTM Batu Caves – Hab Wira Damai	3	
Country Homes Rawang – KTM Rawang	3	
KTM Rawang – Taman Garing	2	
UiTM Puncak Alam – Puncak Alam	2	
Alam Budiman/Setia Alam – Setia City Mall	2	

“Zon kali ini lebih tertumpu kepada kawasan yang mempunyai capaian pengangkutan awam yang rendah bagi membolehkan penduduk sekitar mendapat manfaat dan meningkatkan pengalaman penumpang dalam merancang perjalanan serta capaian batuan pertama dan akhir yang lebih optimum. Kami akan terus meluaskan zon perkhidmatan ini secara berperingkat sehingga penghujung Jun 2025,” kata Ku Jamil Zakaria, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, Rapid Bus.

Sehingga kini, purata harian seramai 3,792 orang pengguna di 41 zon di Lembah Klang telah menikmati manfaat Rapid KL On-Demand, dari segi penjimatan masa, perbelanjaan dan akses ke pengangkutan awam.

Dengan tambang promosi RM1, perkhidmatan Rapid KL On-Demand menawarkan jaminan tempat duduk yang boleh ditempah setiap hari dari jam 6.00 pagi sehingga 11.30 malam, dan pengguna boleh membuat pembayaran menggunakan:

- Kad debit atau kredit
- Kad Touch 'n Go
- Kad Konsesi MyRapid
- Pas Perjalanan OKU Smile
- Pas Perjalanan Tanpa Had (My50, MyCity & Pas Famili)

Untuk maklumat lanjut berkenaan perkhidmatan ini, pengguna boleh melayari media sosial rasmi Rapid KL atau laman web [www.myrapid.com.my](http://www.myrapid.com.my)

[TAMAT]

---

Dikeluarkan oleh Rapid Bus Sdn Bhd.